

# → PENDIDIKAN

Info

## Universitas 21

→ Rangkaian 25 universiti ternama berasaskan penyelidikan di seluruh dunia dengan penubuhannya bermula di Melbourne, Australia pada 1997

# 5 universiti kita 200 terbaik dunia 2019

→ Sasaran mampu dicapai berdasarkan siri kejayaan diraih


Oleh Nursyahira Marzuki  
bhnews@bhnews.com.my

► Putrajaya

**K**ementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan lima universiti penyelidikan negara akan berada pada tangga 200 terbaik dunia dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata sasaran itu dilihat mampu dicapai berdasarkan siri kejayaan yang diraih universiti tempatan pada peringkat antarabangsa, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, Universiti Malaya (UM) kini sudah berada di tangga ke-114 dan empat lagi universiti ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menduduki tangga ke-229; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (230), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (253) dan Universiti Sains Malaysia



Universiti Malaysia kini sudah berada di tangga ke-114 dunia.



Semua universiti penyelidikan negara dijangka terus bertambah baik dalam masa terdekat”

Idris Jusoh,  
Menteri Pendidikan Tinggi

(USM) di tangga 264.

“Pelbagai kejayaan yang diraih bidang pendidikan tinggi negara dirangkumkan Kementerian menjadi satu konsep iaitu U.M.A.R, bermaksud Universitas 21 (U); UM (M); lima universiti terbaik di ASEAN (A) dan dalam kelompok satu peratus Universiti Penyelidikan (R) terbaik di dunia.

“U.M.A.R juga mengunjurkan universiti penyelidikan negara, UM, akan berada pada tangga 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh satu hingga dua tahun,” katanya ketika ditemui pada Majlis Aidilfitri KPT di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

### Sasar UM ke-20 terbaik dunia menjelang 2050

Idris berkata, semua universiti penyelidikan negara dijangka terus bertambah baik dalam masa terdekat dan pihaknya menyasarkan

UM dan mungkin universiti lain akan mampu berada pada tangga ke-20 terbaik dunia menjelang 2050.

“Ini adalah tahun terbaik untuk Kementerian dan negara kerana pengiktirafan dunia yang diraih menunjukkan kualiti sistem pendidikan tinggi negara sentiasa meningkat.

“Malah, saya sudah bertemu dengan semua naib canselor universiti penyelidikan pagi tadi (semalam) bagi membincangkan cara untuk meningkatkan lagi pengiktirafan dunia terhadap pendidikan negara,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, keangan kewangan di universiti awam bukan menjadi penghalang untuk universiti berkenaan terus maju, namun pihaknya akan berbincang dengan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak, untuk memastikan isu kewangan tidak menjadi satu halangan kepada mereka.